

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JFW 364 – ANALISIS PENYATA KEWANGAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

SOALAN 1 (25 markah)

Dengan menggunakan data yang diberikan oleh Syarikat Meena Ltd, sediakan Bahagian Aktiviti Operasi bagi Penyata Aliran Tunai untuk syarikat tersebut bagi tahun 2005 dengan menggunakan Kaedah Tidak Langsung.

Data dari Kunci Kira-kira

	<u>2005(RM)</u>	<u>2004(RM)</u>
Akaun belum terima	36,000	42,000
Stok	28,000	25,000
Akaun belum bayar	31,000	35,000
Gaji belum bayar	2,000	1,000
Peralatan	60,000	40,000
Susut Nilai Berkumpul	12,000	16,000
Bon belum bayar	50,000	100,000
Saham biasa	150,000	100,000
Pendapatan tertahan	38,000	20,000

Data Penyata Pendapatan

	<u>2005(RM)</u>
Jualan bersih	420,000
Kos barang untuk dijual	300,000
Perbelanjaan operasi (tidak termasuk belanja susut nilai)	84,000
Pendapatan bersih	30,000
Pendapatan atas jualan barangan (termasuk dalam pendapatan bersih di atas)	2,000

SOALAN 2 (15 markah)

Berikut adalah data bagi Good Company Inc. untuk tahun 2004, 2005, dan 2006 (amaun adalah dalam ribu).

	2006(RM)	2005(RM)	2004(RM)
Pendapatan bersih	445	402	345
Jumlah purata saham biasa tertunggak	135	134	132
Jumlah purata ekuiti pemegang saham biasa	1,231	964	735

(a) Kirakan *Return on Common Equity* (ROCE) untuk tiga (3) tahun tersebut.

(5 markah)

...3/-

- (b) Kirakan asas pendapatan sesaham (EPS) untuk tiga (3) tahun tersebut. (5 markah)
- (c) Huraikan hasil yang diperoleh daripada ROCE dan EPS di atas. (5 markah)

SOALAN 3 (30 markah)

Apabila mengira pulangan atas aset operasi bersih penganalisa kadang kala membuat pelarasan kepada aset operasi bersih berasaskan penggunaan *denominator* atau nisbah. Tiga pelarasan tersebut adalah seperti yang di bawah. Bincangkan jenis dan merit setiap pelarasan berikut:

- (a) Pelarasan aset bukan operasi. (10 markah)
- (b) Pelarasan aset tidak nyata. (10 markah)
- (c) Pelarasan susut nilai terkumpul (10 markah)

SOALAN 4 (30 markah)

Nisbah-nisbah terpilih bagi Intan Corporation bagi tahun berakhir tahun 2007 ialah:

Hutang /ekuiti	0.8
Bilangan faedah dikumpul	3.0
Nisbah semasa	1.2
Aliran tunai kepada caj tetap	2.8

Berikut adalah set yang tidak menggambarkan nisbah-nisbah di atas. Pertimbangkan setiap transaksi secara berasingan dan nyatakan kesannya ke atas nisbah-nisbah di atas. Terangkan jawapan anda.

- (a) Pengurangan kadar cukai untuk tahun 2007. (10 markah)
- (b) Menerbitkan RM1,000 saham biasa untuk membayar balik RM1,000 hutang jangka masa panjang pada awal tahun 2007. (10 markah)
- (c) Jangka hayat untuk aset yang disusutnilai meningkat pada awal tahun 2007. (10 markah)